

05 JUN 1998

Mahathir-DAP

KIT SIANG AMALKAN NEPOTISME, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad hari ini berkata Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang mengamalkan nepotisme dengan mengutamakan kepentingan anggota keluarga sendiri daripada parti.

Ketika diminta mengulas tindakan DAP menggantung jawatan dua anggota utamanya dan melucutkan jawatan seorang lagi anggota kanan, Perdana Menteri berkata: "Ini satu jenis nepotisme, dia pilih anak dia sendiri sebagai penolongnya."

"Kalau orang lain buat, dia kata nepotisme," kata Dr Mahathir kepada pemberita di sini hari ini sekembalinya dari lawatan kerja ke Jepun.

DAP semalam mengumumkan tindakan menggantung jawatan naib pengerusi kebangsaan Liew Ah Kim dan bendahari parti Fung Ket Wing serta memecat Wee Choo Keong daripada jawatan setiausaha publisiti kerana dikatakan mengkritik tindakan Lim berhubung kes mahkamah anaknya, Guan Eng, baru-baru ini.

Ketiga-tiganya juga dilaporkan tidak berpuas hati dengan ceramah seluruh negara yang dianjurkan oleh Lim bagi menagih simpati orang ramai terhadap Guan Eng yang dihukum penjara 36 bulan kerana kesalahan menghasut orang ramai dan menerbit berita palsu.

"Bagi saya, dari dahulu lagi, apabila beliau meletakkan anaknya sebagai calon di kawasan yang beliau pernah bertanding, sudah wujud ciri-ciri nepotisme, hampir serupa dengan kronisme," katanya.

Lim Guan Eng merupakan Timbalan Setiausaha Agung DAP selain Ketua Pemuda.

Perdana Menteri juga berkata perbuatan menggunakan isu Guan Eng untuk memburuk-burukkan negara dan sistem perundangan tidak sepatutnya dilakukan walaupun oleh parti lawan.

-- BERNAMA

RAZ MAI